

ISU KASHMIR DALAM HUBUNGAN INDIA DAN PAKISTAN
(1960 – 1972)

AIDIL ADZHAR BIN ABU SAMAH

PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SASTERA DALAM BIDANG SEJARAH

PUSAT PENGAJIAN SEJARAH, POLITIK DAN STRATEGIK
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2003

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 Mac 2003

AIDIL ADZHAR BIN ABU SAMAH

P 21370

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya maka projek sarjana ini dapat disempurnakan. Besar harapan saya agar kajian ini dapat menjadi sumber rujukan dan seterusnya diperhaluskan lagi oleh generasi akan datang.

Setinggi-setinggi penghargaan yang tidak terhingga saya dedikasikan kepada Puan Zubaidah V. P. Hamzah selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan serta tunjuk ajar yang berguna sehingga projek sarjana ini dapat disiapkan. Juga tidak ketinggalan diucapkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Nik Anuar Nik Mahmud, Prof. Madya Dr. Khazin Tamrin, Prof. Madya Dr Ong Hak Ching, Prof. Madya Dr. Kamaruzzaman Yusof serta pensyarah-pensyarah yang lain dan semua kakitangan Jabatan Sejarah khususnya Kak Midah dan Kak Nab kerana banyak membantu. Jasa yang dicurahkan amatlah dihargai dan akan dikenang sampai akhir hayat.

Penghargaan istimewa buat Abah dan Emak yang sentiasa mengalirkan limpahan kasih sayang dan dorongan tanpa kenal erti penamat. Doa dan restu yang mengiringi perjalanan hidup anakanda adalah azimat yang paling berharga.

Akhir sekali, turut dirakamkan penghargaan kepada isteri tersayang dan anak-anak yang dikasihi; Faiz Najmi dan Izad Fahmi yang menjadi sumber inspirasi dalam meneruskan pangajian ini.

Akhir kata, semoga Allah memberkati kita.

Wassalam.

Aidil Adzhar Abu Samah.
JKR 1194 (B) S. M.
Raja Lope Nor Rasyid
34250, Tanjong Piandang
Perak.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan memaparkan gambaran sebenar mengenai sejarah hubungan India dan Pakistan antara tahun 1960 hingga 1972. Hubungan di antara kedua-dua buah negara berjiran ini yang berteraskan kepada agama Islam dan Hindu secara realitinya tidak pernah aman damai jika pokok persoalan adalah berhubung kait dengan isu Kashmir. Manakala kedudukan Kashmir sendiri sebagai wilayah umat Islam sebenarnya turut memainkan peranan besar dalam mencorakkan hala tuju kedua-dua negara. Hal ini terjadi kerana masing-masing saling menuntut kepentingan di Kashmir atas alasan tersendiri yang sekaligus menyebabkan berlakunya pergolakan di wilayah tersebut. Selain itu, dalam tempoh kajian juga telah memperlihatkan usaha-usaha yang dilakukan oleh pemimpin tertinggi di kedua-dua buah negara bagi meredakan ketegangan berhubung isu Kashmir. Beberapa siri perjanjian damai yang berjaya ditandatangani oleh kedua-dua pihak seperti Perjanjian Sistem Sungai Indus 1960, Perjanjian Tashkent 1966 dan Perjanjian Simla 1972 akan dianalisis bagi memperlihatkan keberkesanannya. Pada peringkat ini juga, penglibatan dari negara-negara yang berstatus kuasa besar seperti Amerika Syarikat, China dan juga Kesatuan Soviet telah menyebabkan permasalahan ini menjadi semakin rumit dan sukar diselesaikan. Kemuncak kepada ketegangan dalam hubungan India dan Pakistan akhirnya terlerai apabila kedua-dua negara mengisytiharkan perang pada September 1965.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
PENDAHULUAN	xiii
BAHAGIAN 1 : SEJARAH AWAL KASHMIR	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Sejarah Awal Kashmir	2
1.2 Kedudukan Kashmir Sebagai Wilayah Umat Islam	8
1.3 Kashmir di Bawah Pemerintahan Hindu Dogra	12
1.4 Suasana Politik di Kashmir Sebelum Pembahagian	18
1.5 Pemindahan Kuasa Melalui “Instrument of Accession”	26

1.6	Rumusan	29
-----	---------	----

BAHAGIAN 2 : KASHMIR : ASAS TUNTUTAN INDIA DAN PAKISTAN

2.0	Pengenalan	32
2.1	Asas-Asas Tuntutan India	33
2.1.1	Politik	35
2.1.1.1	Perjanjian ' <i>Instrument of Accession</i> '	35
2.1.1.2	Maruah Antarabangsa	38
2.1.1.3	Mengelakkan Perpecahan India	39
2.1.2	Sosial	41
2.1.2.1	Emosi Keagamaan	41
2.1.2.2	Strategi Pertahanan Negara India	44
2.1.3	Ekonomi	46
2.2	Asas-Asas Tuntutan Pakistan	47
2.2.1	Politik	48
2.2.1.1	Penipuan dan Ugutan Terhadap Maharaja Kashmir	49
2.2.2	Ekonomi	52
2.2.3	Sosial	53
2.3	Rumusan	55

BAHAGIAN 3 : DIALOG INDIA DAN PAKISTAN 1960 - 1972

3.0	Pengenalan	57
3.1	Isu-Isu dalam Hubungan India-Pakistan 1960 - 1972	59
3.1.1	Perjanjian Sistem Sungai Indus 1960	60
3.1.1.1	Analisis Perjanjian Sistem Sungai Indus	62
3.1.2	Perjanjian Tashkent 1966	69
3.1.2.1	Analisis Perjanjian Tashkent	73
3.1.3	Perjanjian Simla 1972	82
3.1.3.1	Analisis Perjanjian Simla	84
3.2	Rumusan	90

BAHAGIAN 4 : KONFLIK INDIA - PAKISTAN : PERANG SEPTEMBER 1965

4.0	Pengenalan	92
4.1	Isu-Isu dalam Hubungan India-Pakistan yang Mencetuskan Perang 1965	93
4.1.1	Kebuntuan Majlis Keselamatan	94
4.1.2	Kegagalan Rundingan di Peringkat Menteri	97
4.1.3	Perang China-India 1962	100
4.1.4	Sentimen Keagamaan yang Memuncak	103
4.1.5	Dasar Baru New Delhi Ke Atas Kashmir	105
4.1.6	Pertempuran di Rann of Kutch	108
4.2	Perang September 1965	111

4.3	Perang 1965 : Kesan Kepada India dan Pakistan	114
4.3.1	Kemusnahan Fizikal	115
4.3.2	Berjaya Meraih Simpati Negara Luar	117
4.3.3	Perubahan Status Wilayah Kashmir di Majlis Keselamatan	120
4.4	Rumusan	122
	BAHAGIAN 5 : KESIMPULAN	124

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Perjanjian Lahore 9 Mac 1846
- Lampiran 2 : Perjanjian Amritsar 16 Mac 1846
- Lampiran 3 : Surat dari Maharaja Hari Singh kepada Lord Mountbatten bertarikh 26 Oktober 1947.
- Lampiran 4 : Perjanjian '*Instrument of Accession*' 26 Oktober 1947
- Lampiran 5 : Surat dari Lord Mountbatten kepada Maharaja Hari Singh bertarikh 27 Oktober 1947.
- Lampiran 6 : Surat Bantahan dari India kepada Majlis Keselamatan bertarikh 1 Januari 1948.
- Lampiran 7 : Perjanjian Sistem Sungai Indus 1960
- Lampiran 8 : Perjanjian Tashkent 1966
- Lampiran 9 : Perjanjian Simla 1972
- Lampiran 10 : Resolusi Majlis Keselamatan bertarikh 13 Ogos 1948
- Lampiran 11 : Perjanjian Sempadan Pakistan – China 1963
- Lampiran 12 : Article 356 dan 357 : Perlembagaan India
- Lampiran 13 : Article 370 : Perlembagaan India

SENARAI PETA

	Halaman
PETA 1 : Kedudukan Kashmir dengan Negara Jiran	2
PETA 2 : Pembahagian Wilayah Kashmir	4

SENARAI JADUAL

	Halaman
JADUAL 1 : Jumlah Penduduk Wilayah Kashmir Mengikut Agama pada Tahun 1941	53

SENARAI SINGKATAN

PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
OIC	Persidangan Negara-Negara Islam
CBDC	Central Bari Doab
JKLF	Jammu Kashmir Liberation Front
JKNLF	Jammu Kashmir National Liberation Front
JKNF	Jammu Kashmir National Front
JKPF	Jammu Kashmir Plebiscite Front
JKLA	Jammu Kashmir Liberation Alliance
SAARC	South Asian Assosiation for Regional Cooperation

PENDAHULUAN

Kashmir adalah merupakan antara wilayah di rantau Asia Selatan yang terkenal dengan keindahan bentuk muka buminya. Oleh yang demikian, tidak hairanlah ada yang menggelarkan bumi Kashmir sebagai '*syurga di muka bumi*' atau '*Switzerland of the East*' sebagai perlambangan kepada keindahannya. Namun, di sebalik keindahan muka buminya serta pengiktirafan yang mempersonakan, Kashmir juga sebenarnya adalah merupakan antara tempat di dunia ini yang penduduknya tidak pernah menikmati keamanan. Pergolakan yang tercetus ekoran tuntutan dari India dan Pakistan serta keinginan untuk memerintah secara sendiri telah membawa wilayah ini ke kancah peperangan dan pertikaian antarabangsa yang berpanjangan.

Hubungan diplomatik antara India dan Pakistan juga tidak pernah aman berhubung dengan tuntutan terhadap wilayah ini, sejarah membuktikan telah tercetus tiga peperangan yang melibatkan kedua-dua negara ini dan dua daripadanya adalah berpunca daripada wilayah Kashmir. Perbalahan yang mengheret kepada peperangan ini sekaligus telah mengancam keamanan keseluruhan kawasan Asia Selatan serta negara jiran yang lain.

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Hubungan India dan Pakistan berhubung isu Kashmir sebenarnya mempunyai rentetan sejarah awal yang cukup panjang. Kenyataan ini adalah berasaskan kepada realiti bangsa yang terbabit iaitu yang beragama Hindu dan juga Islam yang telah bertapak lama di rantau Asia Selatan. Malah, sejarah juga telah mencatatkan bahawa hubungan dua puak ini tidak pernah aman damai meskipun

terdapat beberapa siri perjanjian serta campur tangan dari pihak luar bagi meredakan ketegangan. Tambahan pula, kemelut mengenai wilayah Kashmir yang melanda seolah-olah menjadi isu panas yang menggelorakan lagi hubungan kedua-dua kaum.

Apakah sebenarnya yang menyebabkan berlakunya masalah antara India dan juga Pakistan? dan mengapakah dua negara yang mempunyai rupa bangsa yang serupa dan asal yang sama cuma berlainan agama menjadi cukup '*panas*' dan berpotensi untuk berperang besar? Serta apakah tiada jalan penyelesaian yang boleh diguna pakai sebagai usaha untuk mendamaikan dua negara tersebut. Tiga persoalan ini akan mendasari perbincangan kertas projek ini.

Aneh, kerana dalam ketiga-tiga permasalahan yang diutarakan tersebut, langsung tidak mempunyai perkataan Kashmir yang menjadi tema utama kertas projek ini. Sebenarnya persoalan ini terjawab dalam permasalahan yang pertama iaitu apakah punca-punca konflik antara India dan Pakistan. Disinilah wujudnya Kashmir sebagai punca kepada perbalahan antara India dan juga Pakistan. Buktinya, tiga peperangan besar telah meletus antara kedua-dua belah pihak dan dua daripadanya adalah berpunca daripada kemelut Kashmir. Di sini juga paparan mengenai kelebihan wilayah Kashmir kepada India dan Pakistan akan turut diketengahkan agar dapat difahami dengan terperinci keistimewaan wilayah tersebut.

Permasalahan kedua yang akan ditekankan ialah mengenai persoalan agama yang menjadi isu yang merancakkan lagi perbalahan antara kedua-dua negara tersebut. Hindu dan Islam adalah merupakan dua agama yang mendominasi rantau Asia Selatan dari dulu hingga sekarang. Malah dalam hal ini, sejarah telah membuktikan tidak wujud langsung perdamaian antara kedua-dua pihak akibat dari perbezaan pegangan, amalan serta kepercayaan hidup. Malah, perpecahan akibat agama juga akhirnya membawa kepada terbahaginya

benua India iaitu kelahiran negara Pakistan yang berprinsipkan Islam dalam kehidupan. Pepecahan yang dijangka mampu menyelesaikan segala masalah berhubung soal agama, namun sebenarnya membawa kepada permasalahan lain yang lebih rumit dan kompleks.

Berhubung dengan persoalan perdamaian pula, persoalannya mengapakah jalan penyelesaian yang telah dilakukan oleh pihak-pihak¹ tertentu telah menemui jalan buntu? India dan Pakistan seolah-olah tidak menemui langsung jalan damai berhubung dengan wilayah ini. Dalam hal ini, sebenarnya banyak usaha-usaha damai telah dijalankan antaranya ialah beberapa siri perjanjian seperti Sistem Sungai Indus 1960, Perjanjian Tashkent 1966 dan Perjanjian Simla 1972. Namun, India dan Pakistan tetap juga berbalah dan menuju kepada peperangan. Disini timbul pula persoalan mengenai ketelusan pihak-pihak terbabit yang terlibat dengan siri perjanjian tersebut.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

1. Memaparkan gambaran sebenar mengenai hubungan India dan Pakistan berhubung isu Kashmir. Hubungan kedua-dua negara yang berteraskan kepada agama ini tidak pernah aman damai sejak dari dahulu lagi dan kemelut di Kashmir akan menjadi titik kepada tercetusnya peperangan besar antara kedua-dua negara.
2. Seterusnya, kajian ini juga akan memperlihatkan isu sebenar iaitu perebutan terhadap wilayah Kashmir antara India dan Pakistan yang menyebabkan hubungan kedua-dua negara tersebut sentiasa sahaja bergolak.

¹ Antara pihak yang pernah terlibat secara aktif dalam usaha perdamaian India dan Pakistan berhubung dengan isu ini ialah British, Kesatuan Soviet, Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu dan Amerika Syarikat.

3. Selain itu, penulisan ini juga akan mengkaji sejauh manakah keberkesanan usaha penyelesaian pemimpin India dan Pakistan berhubung dengan soal Kashmir. Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh kuasa-kuasa besar yang lain seperti Kesatuan Soviet, Amerika Syarikat, Britain dan juga Majlis Keselamatan akan turut diperhalusi.

4.0 SKOP KAJIAN

Penumpuan secara terperinci dalam kajian ini akan diberikan kepada konflik Kashmir antara India dan Pakistan. Bibit-bibit krisis antara Islam dan Hindu telah mengundang permasalahan menjadi semakin besar iaitu menjadi asas tuntutan kepada dua negara tersebut ke atas wilayah Kashmir.

Fokus kajian ini akan mencakupi antara tahun 1960 hingga 1972. Ini dirasakan sesuai kerana dalam jangka masa tersebut telah banyak berlaku hubungan berbentuk dua hala antara kedua-dua negara yang merangkumi persetujuan perjanjian demi untuk mengawal berlakunya peperangan yang besar sebagaimana pada tahun 1947-48 lalu. Meskipun diikat dengan beberapa siri perjanjian perdamaian, dalam tempoh tersebut juga telah berlakunya dua siri peperangan yang besar antara India dan Pakistan dan satunya adalah bersangkutan paut dengan soal Kashmir iaitu pada tahun 1965.

Akhirnya, skop kajian juga dijuruskan kepada usaha-usaha penyelesaian yang dilakukan oleh kedua-dua negara terutamanya yang melibatkan campur tangan dari pihak luar khususnya Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu dan kuasa besar dunia yang lain seperti Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat. Namun, konflik antara India dan Pakistan tetap berterusan dan semakin sukar untuk diselesaikan.

5.0 GELINTIRAN KESUSASTERAAN

Berhubung dengan tajuk yang dipilih iaitu Isu Kashmir dalam hubungan India dan Pakistan, sebenarnya terdapat banyak kajian-kajian lepas yang telah diusahakan oleh sejumlah ahli akademik di seluruh dunia. Meskipun mempunyai tajuk kajian yang berbeza namun setiap kajian yang dihasilkan tetap berlegar kepada permasalahan antara India dan juga Pakistan berhubung dengan isu ini.

Di antara kajian-kajian sebelum ini yang menyentuh secara langsung dan tidak langsung mengenai hubungan antara India dan Pakistan berkait dengan isu Kashmir yang sempat saya baca dan teliti setakat ini ialah *Kashmir : A Tale of Shame* oleh Hari Jaisingh (1996), *Divided Kashmir : Old Problems, New Opportunities for India, Pakistan and the Kashmiri People* oleh Mushtaqur Rahman (1996), *Kashmir in Conflict : India, Pakistan and the Unfinished War* oleh Victoria Schofield (2000), *The Challenge in Kashmir : Democracy, Self-Determination and a Just Peace* oleh Sumantra Bose (1997), *The Crisis in Kashmir : Portents of War, Hopes of Peace* oleh Sumit Ganguly (1997) dan *The Kashmir Problem* oleh A.S.R. Chari (1965).

Hari Jaisingh dalam karyanya *Kashmir : A Tale of Shame* (1996) merupakan satu kajian yang menyeluruh tentang perkembangan politik dalam wilayah Kashmir. Kajiannya juga lebih kepada sudut pandangan yang berpihak kepada negara India. Besar kemungkinan penghasilan karya tersebut di New Delhi menjadi salah satu faktornya. Sebagai contoh, beliau telah menggambarkan bahawa kerajaan India banyak berlembut mengenai isu Kashmir manakala kerajaan Pakistan pula digambarkan sebagai negara yang menyokong keganasan (m/s 191). Pada beliau sikap kerajaan Pakistan yang sebegini telah menyebabkan proses penyerapan wilayah Kashmir ke dalam negara India sebagaimana yang dipersetujui bersama gagal dilaksanakan dengan berkesan. Menurutnya lagi, masyarakat muslim di wilayah Kashmir terlalu emosi mengenai agama dan ini

juga menjadi punca kepada kegagalan penyatuan ke dalam negara India (m/s 44). Selain itu, beliau turut memaparkan mengenai usaha-usaha kerajaan India memajukan Kashmir khususnya dalam bidang ekonomi. Antara perkara yang diberi penekanan ialah peningkatan nilai pelaburan, kemudahan frasarana yang merangkumi aspek telekomunikasi dan pengangkutan seperti pembinaan jambatan dan jalan raya yang merentasi ke China dan juga Pakistan. Kesimpulan daripada hasil kajiannya itu, beliau secara nyata berpihak kepada India berbanding dengan Pakistan berhubung dengan soal kemelut wilayah Kashmir. Pada anggapannya, wilayah tersebut adalah merupakan hak mutlak India dan ianya perlu ditangani oleh India secara lebih matang agar segala kemelut dapat diselesaikan segera.

Divided Kashmir : Old Problems, New Opportunities for India, Pakistan and the Kashmiri People (1996) oleh Mushtaqur Rahman adalah merupakan satu kajian sederhana tetapi mendalam mengenai isu Kashmir antara India dan juga Pakistan. Dalam karyanya ini, beliau lebih memfokuskan kepada beberapa cadangan agar kemelut ini segera diselesaikan secara rasional. Umpamanya yang diberi penekanan ialah sebagaimana penerimaan India dan Pakistan terhadap Perjanjian Sungai Indus yang ditandatangani pada tahun 1960. Perjanjian ini adalah merupakan model terbaik untuk usaha penyelesaian yang disarankan oleh beliau (m/s 7). Selain itu, beliau turut menyarankan agar perlu wujud sikap toleransi di kalangan masyarakat muslim Kashmir berhubung dengan soal keagamaan. Ini perlu kerana kedamaian pada beliau memerlukan toleransi dan mengeneipkan persoalan keagamaan. Selain itu, Rahman turut mempersoalkan mengenai kesan akibat perbalahan antara kedua-dua pihak khususnya perang yang tercetus pada tahun 1965 yang melibatkan jumlah wang di kedua-dua pihak yang amat banyak (berjuta rupee) dan ini merupakan pembaziran yang ketara. Apa yang menarik kajian beliau ialah ketelitian dari sudut pengesahan terhadap fakta yang dihasilkan seperti diselitkan juga resit sebagai bukti penjualan bumi Kashmir oleh British pada tahun 1846 dan juga dokumen penyerahan Maharaja Hari Singh yang memerintah Kashmir kepada India pada tahun 1947.

Karya seterusnya ialah buku yang bertajuk *Kashmir in Conflict : India, Pakistan and the Unfinished War* oleh Victoria Schofield (2000). Kajian Schofield ini memfokuskan kepada kemungkinan akan tercetusnya peperangan moden antara India dan Pakistan berhubung dengan isu ini. Dalam hal ini, beliau lebih memfokuskan kepada zaman kontemporari. Selain itu, beliau turut mempersoalkan mengenai kerancangan India dan Pakistan menyediakan peruntukan yang besar untuk bidang pertahanan masing-masing hingga mengeneipkan soal-soal dalam negara yang lebih memerlukan seperti kemudahan pendidikan, kesihatan dan selainnya yang lebih penting. Dari sudut cadangan penyelesaian terhadap kemelut ini, kajian beliau menampakkan sedikit keraguan malah seolah-olah tiada cadangan yang konkrit sebagai panduan penyelesaian. Beliau banyak memberi kritikan berbanding cadangan agar kemelut antara kedua negara dapat diselesaikan. Antara yang dipersoalkan secara mendalam ialah mengenai ketetapan batas sempadan wilayah Kashmir yang dikuasai India dan Pakistan serta peranan Majlis Pengaman dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak mampu bertindak sebagaimana yang diharapkan meskipun telah berada di wilayah tersebut sejak tahun 1948 lagi. Selain itu, beliau menekankan agar tiada campur tangan negara luar berhubung isu ini. Jika perlu, negara luar yang terbabit perlu memahami dengan mendalam faktor sejarah Kashmir dan hubungan India dan Pakistan agar penyelesaian lebih bermakna dan berkesan.

The Challenge in Kashmir : Democracy, Self-Determination and a Just Peace oleh Sumantra Bose (1997). Bose menghasilkan karya ini berdasarkan kepada sudut pandangan yang neutral yakni tidak berpihak kepada mana-mana kepentingan iaitu India atau Pakistan. Fokus beliau lebih kepada kemelut semasa yang berlaku di wilayah Kashmir. Dari sudut punca-punca kemelut ini tercetus, beliau menekankan mengenai peranan Pakistan khususnya di bahagian Azad Kashmir yang menaja pemberontakan di wilayah Kashmir yang dikuasai India. Selain itu, beliau turut membangkitkan sikap India yang mengeneipkan hak-hak

kebebasan rakyat Kashmir untuk menentukan hala tuju sendiri. Namun, apa yang mengecewakan ialah kegagalan beliau mengaitkan faktor-faktor sejarah lampau iaitu perpecahan Hindu dan Islam sebagai punca kepada kemelut di wilayah tersebut. Dalam hal ini, beliau banyak menekankan mengenai hal-hal semasa di wilayah tersebut. Kelebihan karya ini ialah keupayaan Bose menghadapi risiko khususnya apabila menjalankan sesi temuramah dengan individu berkepentingan secara langsung dengan kemelut di wilayah ini. Kesimpulannya ialah karya ini meskipun nampak ringkas, namun amat berguna sebagai bahan asas untuk memahami kemelut sebenar di wilayah Kashmir.

The Kashmir Problem oleh A.S.R. Chari (1965) pula adalah merupakan karya yang membincangkan mengenai permasalahan yang melanda wilayah Kashmir khususnya berkaitan peperangan antara India dan Pakistan pada tahun 1965. Beliau membincangkan perihal peperangan tersebut dengan terperinci pada bahagian awal perbincangan. Seterusnya, beliau menekankan pula mengenai sejarah awal hubungan Hindu dan Islam yang sejak dari dulu lagi sentiasa sahaja berbalah dan tidak pernah aman damai. Perbalahan inilah yang membuka jalan kepada peperangan yang dibincangkan pada peringkat awal. Selain itu, beliau turut mempersoalkan mengenai peranan kuasa-kuasa besar seperti Britain dan Amerika Syarikat sebagai orang tengah untuk menyelesaikan permasalahan di wilayah Kashmir ini (m/s 68-69). Kesimpulannya ialah Chari menganggap masalah di wilayah tersebut adalah amat berat sekali dan malangnya masyarakat umum tidak mengetahuinya. Pendedahan yang diusahakan oleh beliau amat diharap akan dapat menyekat berlakunya peperangan dunia ketiga yang akan memberi kesan pada nilai kemanusiaan.

Menyusul seterusnya ialah *The Crisis in Kashmir : Portents of War, Hopes of Peace* oleh Sumit Ganguly (1997). Kajian ini sebenarnya memfokuskan ruang lingkup dari tahun 1989 hingga 1997 khususnya yang bersangkutan paut dengan politik Kashmir. Pada peringkat awal kajiannya, Ganguly membincangkan

mengenai kemelut yang berlaku antara Kongres dan Liga Muslim yang seterusnya membawa kepada perpecahan India dan kelahiran Pakistan. Pada peringkat ini, beliau turut membincangkan sejarah awal masalah di Kashmir yang dikuasai oleh Maharaja Hindu yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Kemelut ini berterusan apabila tiba saat perpecahan India, Maharaja telah bersetuju untuk menyerahkan wilayah Kashmir kepada India meskipun penduduk Kashmir cenderung untuk bersama dengan Pakistan atas alasan agama dan budaya yang mirip kepada Pakistan. Selain itu, Ganguly turut menekankan mengenai tiga peperangan yang berlaku antara India dan Pakistan. Dari sudut penyelesaian pula, beliau telah menggariskan beberapa cadangan antaranya ialah memindahkan penduduk beragama Hindu ke wilayah Kashmir agar dapat menseimbangkan penduduk berdasarkan agama, mengetatkan kawalan keselamatan di wilayah Kashmir agar dapat membendung sebarang unsur yang mampu membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan penduduk Kashmir. Dalam hal ini beliau memberi contoh bagaimana kerajaan India mengawal Punjab sebagai model untuk dilaksanakan ke atas Kashmir. Cadangan lain yang diutarakan ialah berkongsi kuasa dengan Pakistan untuk mentadbir wilayah Kashmir dan cadangan akhirnya ialah membebaskan terus Kashmir dari pengaruh New Delhi. Kesimpulannya ialah, karya beliau ini adalah merupakan rujukan terbaik yang membincangkan mengenai permasalahan Kashmir serta usaha-usaha penyelesaian yang melibatkan hanya India dan juga Pakistan semata-mata tanpa melibatkan kuasa asing yang lain.

6.0 KESIGNIFIKAN KAJIAN

Daripada tinjauan di atas, kita boleh membuat satu kesimpulan iaitu jelas sekali bahawa keharmonian dalam perhubungan antarabangsa antara negara berjiran adalah merupakan aspek yang amat penting. Malangnya, aspek ini belum lagi benar-benar dikaji secara ilmiah dan mendalam oleh ahli-ahli sejarah khususnya dari Malaysia sendiri. Apa yang ada hanyalah sekadar lontaran idea secara

sepintas lalu yang tidak diperincikan atau dihujah dari sudut teori yang kukuh serta didukung oleh data-data kajian empiri.

Kajian ini mempunyai erti penting dari beberapa sudut khususnya yang bersangkutan paut dengan punca teretusnya konflik antarabangsa yang melibatkan India dan juga Pakistan dalam isu Kashmir. Dalam hal ini, sebenarnya terdapat banyak kajian yang telah dihasilkan oleh para ilmuan mengenai hubungan India dan Pakistan berkenaan isu Kashmir, namun kebanyakan daripada kajian tersebut tidak memaparkan secara langsung mengenai faktor-faktor sejarah lampau di benua India sebagai titik utama yang menjadi permusuhan kedua-dua buah negara. Justeru itu, pengkaji lepas telah meninggalkan atau melupakan langsung mengenai item terpenting mengenai isu Kashmir dalam hubungan India dan Pakistan. Justeru itu, kajian ini pertama sekali akan meninjau sudut sejarah awal wilayah Kashmir yang merupakan elemen terpenting dalam penghuraian mengenai konflik antara India dan Pakistan.

Kajian sebelum ini juga banyak memaparkan secara terperinci mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh kedua-dua negara untuk menangani kemelut ini. Namun, perbincangan lebih menjurus kepada nasib wilayah Kashmir serta penduduknya tanpa melihat secara total akan kedudukan negara India dan Pakistan di pentas antarabangsa. Di sini, kedudukan pelaku utama seolah-olah dikesampingkan atau cuba diselindungi. Dalam hal ini, sebenarnya kedudukan India dan Pakistan memaparkan banyak persoalan yang cukup menarik untuk diperbincangkan. Khususnya yang melibatkan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan juga China.

7.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kaedah kajian yang digunakan ialah penyelidikan perpustakaan. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan bahan-bahan seperti tesis, buku-buku ilmiah,

artikel dalam jurnal, majalah ilmiah, kertas kerja atau seminar tempatan dan antarabangsa, carian dalam talian (internet) dan lain-lain lagi sebagai sumber utama.

Antara perpustakaan yang telah menjadi tumpuan rujukan ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang dan Institut Alam dan Tamadun Melayu di UKM, Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Utama USM, Perpustakaan Negara di KL, Perpustakaan Angkatan Tentera (Kementerian Pertahanan) dan Perpustakaan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

8.0 PEMBAHAGIAN BAB

Kajian ini akan meliputi lima bahagian perbincangan. Pada bahagian yang pertama atau lebih dikenali sebagai pendahuluan, akan dijelaskan mengenai latar belakang wilayah Kashmir di rantau Asia Selatan. Selain itu, akan dijelaskan juga mengenai kedudukan umat Islam dalam wilayah tersebut serta hubungannya dengan masyarakat dan pemerintah yang beragama Hindu. Ini penting kerana disinilah yang menjadi punca kepada ketegangan yang wujud antara India dan Pakistan. Dalam bahagian ini juga akan diperlihatkan mengenai suasana politik di Kashmir sebelum pembahagian benua Kecil India. Seterusnya perbincangan akan difokuskan kepada suasana detik-detik akhir penyerahan Kashmir kepada India.

Pada bahagian kedua pula kajian ini akan menjelaskan mengenai perbalahan dalam hubungan India dan Pakistan berhubung isu Kashmir. Pokok perbincangan bahagian ini akan berlegar kepada asas-asas tuntutan kedua-dua negara tersebut ke atas wilayah Kashmir. Kepentingan bahagian ini ialah, pada peringkat ini dirasakan bahawa penulis dapat mendedahkan kepada pembaca mengenai perkara yang menjadi tunjang kepada tuntutan ke atas wilayah Kashmir oleh kedua-dua buah negara tersebut.

Di dalam bahagian ketiga, perhatian utama akan diberikan kepada keadaan hubungan diplomatik antara India dan Pakistan berhubung dengan wilayah ini antara tahun 1960 hingga 1972. Disini juga akan turut dibincangkan mengenai beberapa isu utama seperti Perjanjian Sistem Sungai Indus 1960, Perjanjian Tashkent 1966 dan Perjanjian Simla 1972. Meskipun diperlihatkan begitu banyak usaha-usaha untuk meredakan ketegangan berbentuk dialog di peringkat pemimpin tertinggi masing-masing, namun ianya tetap gagal dan tidak dipedulikan oleh India dan Pakistan. Hal ini menyebabkan konflik yang melanda menjadi semakin parah dan sukar diselesaikan.

Perbincangan bahagian empat pula adalah merupakan lanjutan kepada bahagian tiga. Bezanya, bahagian ini akan memfokuskan kepada peristiwa perang yang tercetus antara kedua-dua buah negara berhubung isu Kashmir iaitu pada tahun 1965. Dalam hal ini, seolah-olah bagi India dan Pakistan, perang adalah merupakan jalan mudah untuk menyelesaikan konflik wilayah ini berbanding rundingan damai. Selain itu, antara perkara lain yang menjadi inti pati kepada bahagian ini ialah mengenai apakah puncanya yang menjurus India dan Pakistan ke dalam kancah peperangan ini. Bahagian ini juga akan membicarakan mengenai persoalan kepentingan Perang 1965 kepada India dan Pakistan.

Seterusnya dalam bahagian lima pula adalah kesimpulan daripada keseluruhan kajian yang akan merumuskan secara langsung mengenai kesemua topik yang diperbincangkan di atas. Selain itu akan turut disentuh mengenai serba sedikit ialah nasib serta masa depan umat Islam di wilayah Kashmir akibat daripada perbalahan yang melibatkan India dan Pakistan ini.

BAHAGIAN 1

SEJARAH AWAL KASHMIR

1.0 Pendahuluan


Wilayah Kashmir atau nama asalnya Kasyapamar adalah terletak di atas garisan latitud 33°30' hingga 34°40' dan garisan longitud 74°20' hingga 75°40'.¹ Wilayah ini bersempadan dengan negara India di bahagian selatan, Pakistan di sebelah barat, Afghanistan dan Turkistan di utara dan juga China di sebelah timur. (rujuk peta 1) Selain itu, dari segi kedudukan muka buminya pula, wilayah ini terletak di antara Banjaran Himalaya di utara dan Banjaran Pir Selatan di bahagian selatan. Bentuk muka bumi wilayah Kashmir adalah amat indah, terdiri daripada pelbagai sumber alam semula jadi seperti gunung-ganang yang ketinggiannya mencapai 12,000 hingga 16,000 kaki, tasik-tasik yang bertaburan seperti Tasik Dal di Srinagar, sungai-sungai yang menjalar seperti Sungai Jhelum, Sungai Tawi, Sungai Indus, Zanskar, Suru, Nubra dan Sungai Chenab. Segala keindahan ini menyebabkan wilayah Kashmir digelar sebagai '*Swis dari timur*' atau '*syurga di bumi*'.

*'known to the tourist as the Switzerland of the east' for its beauty of hill and valley, it was also prosperous.*²

¹ R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 49.

² G.W.Choudhury, *Pakistan's Relations With India 1947-1966*, Pall Mall Press, London, 1969, Hlm. 91. Selain itu, untuk mengetahui pendapat lain mengenai keindahan bumi Kashmir boleh dirujuk kepada R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 49.

Peta 1 : Wilayah Kashmir dan Negara Jiran



Sumber : Alastair Lamb, *Crisis in Kashmir 1947 to 1966*, Routledge & Kegan Paul, London, 1966, Hlm. 2.

Wilayah Kashmir secara keseluruhannya mempunyai keluasan sekitar 222,237 km persegi dan terbahagi kepada tiga kawasan utama iaitu Jammu Kashmir yang dikuasai oleh India, Azad Kashmir yang bebas memerintah sendiri tetapi disokong kuat oleh Pakistan dan sebahagian kecil lagi iaitu di bahagian barat Ladakh atau dikenali sebagai Aksai Chin telah dikuasai oleh negara China. (rujuk peta 2) Jumlah penduduknya pula mencecah 12 juta orang iaitu 3 juta di Azad Kashmir manakala selebihnya berada di dalam kawasan yang dikuasai oleh India dan China. Hampir 70% daripada keseluruhan penduduk di wilayah Kashmir beragama Islam, 25% beragama Hindu dan bakinya beragama Sikh, Buddha dan lain-lain lagi.


Sesuai dengan bentuk muka buminya yang subur, bidang pertanian adalah merupakan sumber utama ekonomi masyarakat di wilayah Kashmir. Lebih kurang 85% rakyat Kashmir terlibat dengan bidang pertanian ini dan antara tanaman yang dihasilkan ialah padi, gandum, barli, minyak bijirin, buah badam, kacang dan buah-buahan seperti epal, oren dan lain-lain lagi. Selain itu, industri kraftangan yang berpusat di Jammu, pelancongan dan penternakan seperti kambing, biri-biri dan lembu juga merupakan sumber ekonomi bagi Kashmir.

1.1 Latar Belakang Sejarah Awal Kashmir

Sebelum pengunduran British pada akhir 1947, negeri Kashmir terdiri daripada beberapa wilayah utama yang merangkumi Lembah Kashmir, daerah Jammu, Ladakh, Baltistan dan Gilgit.³ Setiap wilayah mempunyai penduduk yang terdiri dari pelbagai kaum, agama dan juga bahasa. Namun, yang ketara ialah, penempatan penduduk di setiap wilayah Kashmir ini dapat dibahagikan berdasarkan keagamaan. Dalam hal ini, majoriti penduduk yang beragama Islam banyak menetap di Lembah Kashmir, Baltistan dan Gilgit. Manakala, penduduk

³ Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 1.

Peta 2 : Pembahagian Wilayah Kashmir



Sumber : Alastair Lamb, *Crisis in Kashmir 1947 to 1966*, Routledge & Kegan Paul, London, 1966, Hlm. 136.

di daerah Jammu pula majoritinya beragama Hindu dan di Ladakh beragama Buddha.

Dari segi peratusan agama pula, pada tahun 1941, keseluruhan wilayah Kashmir mempunyai penduduk seramai 4,021,616 orang.⁴ Dari jumlah tersebut, yang beragama Islam merupakan majoriti iaitu sebanyak 3,101,247 orang. Penduduk beragama Hindu pula adalah sebanyak 809,165 orang. Manakala, yang beragama Sikhs sebanyak 65,603 dan Buddha sebanyak 40,696.

Sejarah awal Kashmir menurut catatan yang dihasilkan oleh Kalhana dalam *Rajatarangini* (river of kings) merupakan ahli sejarah Kashmir yang terkenal telah bermula apabila wujudnya penempatan orang-orang Indo-Aryan di zaman Mahabharata. Pada masa tersebut wilayah Kashmir adalah merupakan pusat kebudayaan dan tamadun yang unggul di rantau Asia Selatan. Namun, permulaan sejarah awal Kashmir sebenarnya bermula pada tarikh 274 masehi setelah wilayah tersebut dikuasai oleh pemerintahan dinasti Maurya di bawah Maharaja Asoka. Baginda merupakan orang yang bertanggungjawab membina Srinagar dan telah menjadikan daerah tersebut sebagai pusat pemerintahannya.⁵ Kehadiran baginda dan dibantu oleh ramai golongan pendakwah Buddha di istana telah mengubah suasana keagamaan penduduk di Kashmir dari beragama Hindu yang menyembah tuhan Shiva kepada agama Buddha. Usaha ini akhirnya berjaya menjadikan wilayah ini sebagai pusat penyebaran agama Buddha yang ulung di Asia Tengah hingga ke negara China.⁶

Pada abad ke 7 dan ke 8, wilayah Kashmir telah dikuasai pula oleh Dinasti Karkota. Pada masa ini, falsafah dan pembelajaran bahasa Sanskrit telah

⁴ Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 6.

⁵ R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 53.

⁶ Subhash Kak, 1993, The Poplar and the Chinar, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Poplar.html>. (25 Oktober 2002)

berkembang dengan pesat. Seterusnya wilayah ini dikuasai pula oleh dinasti Utpalas, Tantrins, Yaskaras dan Parva Gupta. Kesemua dinasti tersebut ditadbir oleh Maharaja yang beragama Hindu sehingga ke abad yang ke 12. Pada tahun 1003 pula, dinasti Lohara telah merampas kuasa dari Ratu Didda yang merupakan pemerintah terakhir dinasti Gupta. Dinasti Lohara ini merupakan pemerintah Hindu terakhir yang menguasai wilayah Kashmir sebelum diambil alih oleh pemerintah yang beragama Islam.

Percubaan pemerintah Islam untuk merampas Kashmir dari tangan penguasa Hindu dimulakan oleh usaha Mahmud Ghazni⁷ dari Turki.⁸ Dalam hal ini, menurut catatan sejarah, Mahmud pernah 2 kali cuba menguasai Kashmir.⁹ Serangan tentera Islam yang pertama digerakkan pada tahun 1015 dan ianya bermula dari wilayah Punjab. Walau bagaimanapun, serangan ini berjaya dipatahkan oleh pemerintah Sangramaraja.¹⁰ Manakala serangan kali kedua pula telah dilakukan pada September hingga Oktober 1021. Serangan ini juga dimulakan dari wilayah Punjab dan seterusnya tentera Islam bergerak pantas hingga ke bandar Lohkot.¹¹ Namun, cubaan kali ini juga berjaya dipatahkan oleh pemerintah Kashmir yang ternyata lebih bersedia berbanding tentera-tentera Islam.¹² Setelah gagal buat kali yang kedua, Mahmud telah membatalkan niatnya untuk menguasai wilayah Kashmir.¹³

⁷ Beliau dilahirkan pada 1 November 971M (361H) telah berjaya menaiki takhta kerajaan Ghazni atau dikenali juga sebagai Ghaznawi pada tahun 998 M setelah menyingkirkan adiknya sendiri iaitu Ismail. Rujuk Dr. Ismail Bakar, *Sejarah dan Tamadun Islam di India*, 2000, Hlm. 97.

⁸ Dr. Muhammad Nazim, *The Life and Times of Sultan Mahmud of Ghazna*, Cambridge University Press, Cambridge, 1931, Hlm. 104-105.

⁹ Ibid.

¹⁰ Beliau memerintah Kashmir dari tahun 1003 hingga 1028. Beliau juga adalah merupakan pengasas kepada kewujudan dinasti Lahora di Kashmir. Rujuk R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 64.

¹¹ Bandar ini adalah merupakan pusat pemerintahan dinasti Lahora. Bandar ini juga dikenali sebagai bandar Loharin dan terletak di wilayah Punch.

¹² Selain itu, faktor alam seperti musim sejuk pada ketika serangan dilakukan telah menyebabkan bantuan seperti ubat-ubatan dan makanan sukar untuk sampai kepada pasukan Mahmud. R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 65.

¹³ Dr. Muhammad Nazim, *The Life and Times of Sultan Mahmud of Ghazna*, Cambridge University Press, Cambridge, 1931, Hlm. 105.

Justeru itu, penguasa Hindu terus mengekalkan kuasanya di bumi Kashmir sehingga runtuh empayar Lahora setelah kematian permaisuri Jayasimha pada tahun 1155. Kematian beliau dianggap sebagai bermulanya era kemerosotan empayar Hindu di Kashmir. Ini adalah kerana, sehingga 165 tahun selepas kematiannya, wilayah Kashmir hanya diperintah oleh pemerintah Hindu boneka semata-mata.¹⁴ Dalam tempoh tersebut, pemerintah Hindu yang memerintah benar-benar lemah dan gagal menguasai wilayah tersebut dengan sebaik-baiknya. Tambahan pula, tentera-tentera Turki masih tetap mencuba untuk menguasai wilayah Kashmir meskipun akur satu ketika dahulu Sultan Mahmud pernah dua kali gagal menawan Kashmir. Selain itu, tentera Monghul di Utara Kashmir turut menanti peluang terbaik untuk merampas Kashmir dan sekaligus menamatkan pemerintahan Hindu di wilayah tersebut.

Maharaja Hindu yang terakhir berkuasa di Kashmir ialah Sahdev. Beliau menaiki takhta pada tahun 1301 hingga 1320. Pada ketika pemerintahannya, terdapat dua orang pengembara Islam iaitu Shahmir dari Khorasan dan Lanker Chak daripada Gilgit, telah tiba di Kashmir untuk berkhidmat di bawah pemerintahan Sahdev. Pengembara lain yang turut berkhidmat di bawah Sahdev ialah Rinchan, seorang penganut agama Buddha daripada Ladakh.¹⁵ Meskipun mendapat layanan yang baik dari pemerintah Kashmir, Rinchan telah bertindak membunuh Maharaja Sahdev dan seterusnya merampas kuasa pentadbiran Kashmir.

¹⁴ Pemerintah Hindu yang memerintah dalam tempoh tersebut ialah Parmuka (1155-1164), Vertideva (1164-1171), Vepayadeva (1171-1180), Jassaka (1180-1198), Samgramadeva (1236-1252), Ramadeva (1252-1273), Lakshmanadeva (1273-1286), Simhadeva (1286-1301) dan Sahdev (1301-1320). R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 69.

¹⁵ Beliau hadir ke Kashmir sebagai seorang pelarian politik dari Ladakh. rujuk R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 71. Manakala menurut Sisir Gupta pula, Rinchan atau Rainchan Shah adalah berasal dari Tibet iaitu Timur Kashmir. rujuk Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 618.

Setelah berjaya merampas kuasa, Rinchan cuba memulihkan keadaan yang kacau bilau dengan berbuat baik kepada keluarga Ramachandra iaitu bekas Ketua Angkatan Tentera kepada Maharaja Sahdev yang turut dibunuh sebelum beliau menaiki takhta. Ini penting kerana, Ramachandra dan keluarganya mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam pentadbiran istana.¹⁶ Justeru itu, beliau telah berkahwin dengan Kota Rani iaitu anak kepada Ramachandra. Selain itu, beliau turut melantik anak lelaki Ramachandra iaitu Rawan Chand sebagai Ketua Angkatan Tentera Kashmir. Pada tahun 1319, Rinchan berhasrat untuk menganut fahaman Shiva, namun golongan Brahmin di Kashmir enggan menerimanya setelah dianggap ‘berdosa’ kerana merampas kuasa dari pemerintah yang sebenarnya iaitu Maharaja Sahdev.¹⁷ Kecewa dengan keinginan yang ditolak, beliau akhirnya telah memeluk agama Islam dan menukar nama menjadi Sultan Sadaruddin.¹⁸

1.2 Kedudukan Kashmir Sebagai Wilayah Umat Islam

Sultan Sadaruddin adalah merupakan pemerintah Islam yang pertama di wilayah Kashmir setelah lama dikuasai oleh pemerintah yang beragama Hindu. Namun, usia pemerintahan beliau cuma bertahan selama tiga tahun sahaja apabila beliau meninggal dunia pada 25 November 1323.¹⁹ Kematian beliau adalah disebabkan oleh berlakunya rampasan kuasa yang diketuai oleh Udayana Dewa iaitu saudara

¹⁶ Nama lain beliau ialah Ram Chand. Selain berkhidmat sebagai ketua Angkatan tentera, beliau turut menjawat jawatan Perdana Menteri kepada Maharaja Sahdev.

¹⁷ Selain itu, beliau memilih agama Islam juga atas alasan telah bermimpi bertemu dengan seorang fakir Islam yang terkenal iaitu Bulbul Shah atau nama sebenarnya ialah Saiyid Ashraf-ud-din. Rujuk Walter Lawrence, *The Valley of Kashmir*, Oxford University Press, London, 1895, Hlm. 190. dan R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People’s Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 71.

¹⁸ Prof. L. N. Dhar, 1984, *An Outline of the History of Kashmir*, (atas talian) <http://www.koasa.org/Crown/history.html>. (23 Oktober 2002)

¹⁹ Meskipun usia pemerintahannya singkat, namun beliau banyak meninggalkan jasa terhadap perkembangan Islam di wilayah tersebut. contohnya ialah beliau merupakan individu yang bertanggungjawab mendirikan masjid yang pertama di wilayah Kashmir dikenali sebagai ‘*Bud Masheed*’ di Srinagar. Beliau turut mendirikan masjid yang dikenali sebagai ‘*langarkhana*’ (public charity kitchen) di Ali Kadal, Srinagar. R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People’s Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 80.

kepada Maharaja Sahdev. Teraju pemerintahan wilayah Kashmir kembali kepada pemerintah Hindu apabila Udayana Dewa mengambil alih pentadbiran Kashmir. Beliau telah bertindak mengahwini Kota Rani dan memerintah Kashmir sehingga tahun 1339. Pada ketika pemerintahan Udayana Dewa, wilayah Kashmir tidak putus-putus diserang oleh tentera-tentera Monghul. Selain itu, pergolakan dalaman di istana turut mengganggu kelancaran pemerintahannya.²⁰ Akhirnya, pada tahun 1339, Udayana Dewa telah dikalahkan oleh Shahmir, pengembara dari Khorasan yang pernah berkhidmat dengan Maharaja Sahdev. Kota Rani sangat kecewa dengan kekalahan tersebut. Ini adalah kerana beliau sendiri sebenarnya amat berminat untuk memerintah Kashmir setelah diberi peluang mentadbir oleh Udayana Dewa yang ternyata seorang pemimpin yang lemah. Walau bagaimanapun, akhirnya Kota Rani akur kepada kekuasaan Shahmir dan bersetuju untuk berkahwin dengan Shahmir atas alasan mengukuhkan pentadbiran yang berpecah belah.²¹

Shahmir adalah merupakan pengasas pemerintahan Islam yang sebenar di Kashmir.²² Meskipun sebelum ini, Kashmir pernah diperintah oleh Rinchan atau Sadaruddin yang juga beragama Islam, namun memandangkan usia pemerintahan yang singkat kerana kematiannya, agama Islam sukar berkembang di kalangan rakyat Kashmir. Apatah lagi, pemerintah Hindu iaitu Udayana Dewa pula menerajui Kashmir setelah kematian Sadaruddin. Kejayaan Shahmir mengalahkan Udayana Dewa telah membuka ruang kepada penyebaran agama Islam di wilayah

²⁰ Terdapat 3 golongan yang berkuasa pada masa itu. Golongan yang pertama dipimpin oleh Udayana Dewa dan mendapat sokongan kuat dari kaum bangsawan iaitu waris kepada Maharaja Sahdev. Golongan kedua dipimpin oleh Kota Rani dengan dibantu oleh pembesar-pembesar daerah yang lain. Manakala puak ketiga dan paling berpengaruh ialah golongan petani dan tuan tanah yang dipimpin oleh Shahmir. Ketiga-tiga golongan ini bersaing untuk merebut takhta Kashmir. Rujuk R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 85.

²¹ Tempoh perkahwinan beliau bersama Shahmir hanya bertahan selama 24 jam sahaja kerana selepas itu beliau didapati telah hilang. Ibid.

²² Ketika pemerintahannya, agama Islam telah berkembang pesat di Kashmir. Selain itu, beliau yang menggunakan gelaran Sultan Shamsuddin telah banyak membawa pembaharuan dalam pentadbiran. Antaranya ialah penggunaan mata wang syiling yang menggunakan namanya dan juga memperkenalkan kalendar mengikut kiraan Islam. Ibid. Hlm. 90

Kashmir. Dinasti Shahmiri yang diasaskan oleh Shahmir telah memerintah wilayah Kashmir selama lebih 200 tahun.²³

Ketika pemerintahan dinasti Shahmiri, agama Islam telah berkembang dengan pesat di wilayah Kashmir. Ini adalah kerana, penduduk yang beragama Hindu telah dipaksa untuk memeluk Islam. Paksaan ini berlaku terutamanya pada zaman pemerintahan Sikandar (1389 – 1413). Penduduk Hindu telah diberi tiga pilihan iaitu mati dibunuh, memeluk Islam atau meninggalkan wilayah Kashmir.²⁴ Selain itu, pada ketika pemerintahannya juga banyak kitab-kitab agama Hindu telah dimusnahkan dan dibuang ke dalam Tasik Dal.²⁵ Manakala, golongan Brahmin pula telah dibunuh dengan cara yang amat kejam dan kuil-kuil pula banyak dimusnahkan.²⁶ Setelah kematian Sikandar, teraju pemerintahan Kashmir telah diambil alih oleh anaknya iaitu Zainal Abidin (1417 – 1469). Baginda yang diberi gelaran *Badshah* adalah merupakan pemerintah yang adil dan bertolak ansur. Beliau telah menggalakkan semula rakyat Hindu yang berhijrah kembali ke Kashmir.²⁷ Pada zaman pemerintahannya juga, banyak kuil-kuil Hindu telah dibina semula dan golongan Brahmin telah dilayan dengan baik oleh pihak istana.²⁸ Suasana harmoni ini tidak kekal lama apabila pada tahun 1492, Kashmir telah diperintah oleh Mir Samsuddin Iraqi. Beliau telah melakukan paksaan

²³ Pemerintah dinasti Shahmiri ialah Shahmir (1339-1342), Jamshed (1342-1344), Ala-ud-din (1344-1356), Shahab-ud-din (1356-1374), Qute-ud-din (1374-1389), Sikandar (1389-1413), Ali Shah (1413-1420), Zain-ul-Abiden (1420-1470), Haidar Shah (1470-1472), Hasan Shah (1472-1484), Muhammad Shah (1484-1487), Fath Shah – boneka (1487-1499), Muhammad Shah – boneka (1499-1505), Fath Shah – boneka (1505-1516) Muhammad Shah – boneka (1516-1537), Shams-ud-din II – boneka (1537-1538), Ismail Shah I – boneka (1538-1540), Ibrahim Shah – boneka (1540-1554) dan Habib Shah – boneka (1554-1561).

²⁴ Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 8, Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 19 dan R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 125.

²⁵ Ibid.

²⁶ Antara kuil yang terkenal di Kashmir telah dimusnahkan ialah *Vijeshwar* dan *Martand*. Ekoran daripada kekejamannya itu, beliau telah digelar sebagai *Sikandar the Iconoclast*. Rujuk Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 8.

²⁷ R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm 141.

²⁸ Ibid.

terhadap lebih 24,000 keluarga Brahmin supaya memeluk Islam dan sekiranya enggan akan dibunuh dengan cara yang amat kejam.²⁹ Pada masa tersebut, golongan yang bukan beragama Islam hidup dalam suasana ketakutan.

Selepas era Dinasti Shahmiri, Kashmir telah diperintah pula oleh Dinasti Chak pada tahun 1561. Ghazi-Chek yang merupakan anak kepada Lanker Chak, pengembara Islam daripada Gilgit-Hunza yang datang ke Kashmir semasa pemerintahan Maharaja Sahdev adalah pengasas dinasti ini. Pada ketika pemerintahannya, beliau telah menggunakan gelaran Nasir-ud-din Muhammad Ghazi Shah. Masyarakat Chak³⁰ adalah merupakan golongan yang berpegang kepada fahaman Syiah. Oleh itu, bermulanya pemerintahan dinasti ini telah memperkenalkan ajaran Syiah di bumi Kashmir. Masyarakat Islam yang berfahaman Sunni dan penduduk Hindu di wilayah Kashmir telah ditindas oleh pemerintah yang berfahaman Syiah.

Pada 16 Oktober 1586, Lembah Kashmir telah ditawan pula oleh tentera Monghul dibawah pimpinan Qassim Khan. Sesuai dengan rupa bumi yang indah dan nyaman, ketika pemerintahan Monghul, lembah ini telah dijadikan sebagai tempat rehat kepada golongan Maharaja pada musim panas.³¹ Antara maharaja yang banyak menghabiskan masa di wilayah ini ialah Akbar³², Jehangir³³, Shah

²⁹ Subhash Kak, 1993, *The Poplar and the Chinar*, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Poplar.html>. (25 Oktober 2002)

³⁰ Terdapat beberapa versi mengenai asal usul sebenar bangsa Chak ini. Antaranya dipercayai mereka berasal dari bangsa nomad Kipchak yang mendiami kawasan padang pasir di tengah Asia. Selain itu, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa mereka berasal dari wilayah Turkomans yang juga terletak di Asia Tengah. Rujuk R. K. Parmu, Hlm. 246.

³¹ Jyoti Bhusan Das Gupta, *Indo-Pakistan Relations (1947-1955)*, Hlm. 82.

³² Maharaja Akbar atau nama sebenarnya Jalaluddin Akbar menaiki takhta Monghul pada 14 Februari 1556 M ketika berumur 13 tahun. Memandangkan usianya yang masih muda, urusan pentadbiran negara pada peringkat awal telah diserahkan kepada penasihat peribadinya iaitu Bairam Khan. Beliau adalah merupakan antara pemerintah Monghul yang cukup terkenal dengan pelaksanaan program '*din-ilahi*' dan memerintah India sehingga 16 Oktober 1605 M.

³³ Nama beliau yang sebenar ialah Salim dan merupakan anak kepada Maharaja Akbar. Beliau menjadi Maharaja Monghul yang ke IV pada usia 36 tahun. Setelah menaiki takhta, beliau telah menggunakan gelaran Nuruddin Muhammad Jahangir Padshah Ghazi. Beliau memerintah India sehingga 1627 M.

Jehan³⁴ dan juga Aurengzeb³⁵. Banyak tempat berehat dan taman-taman yang indah telah dibina pada masa ini. Pada zaman pemerintahan Monghul, khususnya Maharaja Akbar. Wilayah Kashmir telah melalui detik-detik yang aman dan tenteram.

*'He established peace, tranquillity and prosperity, and rendered Kashmir immune from internal disorders. He proclaimed religious toleration. He abolished the jizya, which relieved the Brahmans, who were then the only Hindus living in this country, from a great hardship.'*³⁶

Pada tahun 1752, kuasa Monghul di India berakhir dan pada masa ini wilayah Kashmir telah ditawan oleh puak Pathan dari Afghanistan dibawah pimpinan Ahmed Shah Durrani.³⁷ Suasana kacau bilau mula tercetus di Kashmir, apabila puak Pathan telah memerintah wilayah ini dengan cara yang kejam. Pemerintah telah bertindak membunuh masyarakat Hindu dan juga golongan Islam yang berfahaman Syiah.

*'several Pandits had to escape to India to avoid cruel persecution and many Indian families still honour their Kashmiri descent'*³⁸

Keadaan yang kacau bilau ini berkekalan sehinggalah pemerintahan puak Pathan dikalahkan oleh pemerintah Sikh dari Lahore pada tahun 1819. Kekalahan

³⁴ Beliau merupakan putera Jahangir dan menaiki takhta pada 1628 M setelah mengalahkan adiknya sendiri iaitu Shahriyar. Beliau telah menggunakan gelaran Abul Muzaffar Syihabuddin Muhammad Shah Jehan Padshah Ghazi dan memerintah India sehingga tahun 1657M.

³⁵ Beliau adalah merupakan putera kepada Shah Jehan dan menduduki takhta pemerintahan sehingga tahun 1707M. Pada ketika pemerintahannya, beliau telah menggunakan gelaran Alamgiri yang bermaksud penakluk dunia.

³⁶ R. K. Parmu, *A History of Muslim Rule in Kashmir 1320 – 1819*, People's Publishing House, New Delhi, 1969, Hlm. 289.

³⁷ Beliau juga di kenali dengan nama Ahmad Shah Abdali.

³⁸ Lars Blinkenberg, *Indian-Pakistan, The History of Unsolved Conflicts*, Dansk Udenrigspolitisk Institut, Conpenhagen, 1972, Hlm. 60. Kekejaman puak Pathan ini juga boleh dirujuk dalam Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 19, Prem Nath Bazaz, *The History of Struggle for freedom in Kashmir*, Kashmir Publishing Company, New Delhi, 1954, Hlm. 111 dan juga Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 10.

tersebut telah menandakan berakhirnya pemerintahan Islam di wilayah Kashmir dan bermulanya era Hindu Dogra.

1.3 Kashmir di bawah Pemerintahan Hindu Dogra

Maharaja Ranjit Singh iaitu pemerintah Kerajaan Sikh telah menghantar sebanyak 30,000 tentera menyerang Kashmir pada tahun 1819, mengalahkan pemerintah Puak Pathan. Kejayaan yang diperolehi telah menyebabkan wilayah Kashmir telah menjadi sebahagian daripada Kerajaan Sikh yang berpusat di Punjab.³⁹ Pada tahun 1820, Maharaja Ranjit Singh telah menyerahkan wilayah Jammu kepada Gulab Singh sebagai hadiah di atas perkhidmatannya yang cemerlang kepada Kerajaan Sikh di Lahore. Selain itu, beliau turut dianugerahkan gelaran Raja dan wang sebanyak 300,000 rupees.⁴⁰

Gulab Singh berasal dari keluarga Dogra Rajput, pembesar yang pernah memerintah daerah Jammu. Ketika berkhidmat dalam pasukan tentera Maharaja Ranjit Singh di Lahore, beliau telah memberi perkhidmatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada maharaja.⁴¹ Selain itu beliau turut memainkan peranan penting dalam usaha maharaja menawan daerah Kangra, Multan dan Hazara.⁴² Beliau turut memperkenalkan dua adiknya iaitu Dhian Singh dan Suchet Singh ke dalam pasukan tentera maharaja. Kedua-dua mereka turut memainkan peranan penting dalam pasukan Maharaja Ranjit Singh dan kejayaan kerajaan

³⁹ Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 20.

⁴⁰ J.S. Bains, *India's International Disputes : A Legal Study*, Asia Publishing House, London, 1962, Hlm. 65 dan Robert A. Huttenback, Kashmir as an Imperial Factor During the Reign of Gulab Singh (1846 – 1857), *Journal of Asian History*, Vol. 2, No. 1, 1968, hlm. 77 – 108.

⁴¹ Beliau telah menyertai pasukan tentera Maharaja pada tahun 1809. Rujuk Robert A. Huttenback, Kashmir as an Imperial Factor During the Reign of Gulab Singh (1846 – 1857), *Journal of Asian History*, Vol. 2, No. 1, 1968, hlm. 77 – 108.

⁴² Bal Raj Madhok, *The Making of Jammu & Kashmir State*, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter2.html>. (23 Oktober 2002)

Sikh di Lahore.⁴³ Pada tahun 1834, Raja Gulab Singh yang memerintah Jammu telah menjalankan kempen menawan Ladakh dan seterusnya berjaya menguasai beberapa daerah lain termasuk Zauskar, Gilgit dan Baltistan.⁴⁴ Kejayaan ini juga turut melebarkan kekuasaan Hindu Dogra di wilayah Kashmir.

Pada tahun 1845, peperangan telah tercetus antara tentera Sikh dan British. Dalam peperangan tersebut, tentera Sikh telah mengalami kekalahan yang teruk. Kejayaan pasukan British telah menyebabkan kerajaan Sikh terpaksa menerima Perjanjian Lahore pada 9 Mac 1846 (rujuk Lampiran 1). Menurut perjanjian tersebut, pihak Sikh terpaksa menyerahkan kepada Syarikat India Timur Inggeris semua wilayah berbukit dari Beas hingga ke Indus.⁴⁵ Penyerahan ini termasuklah juga wilayah Jammu dan Kashmir. Ketika peperangan Sikh-British berlangsung, Raja Ghulab Singh tidak memihak kepada mana-mana pihak. Malah pada ketika itu, beliau telah bertindak sebagai orang tengah untuk menganjurkan perdamaian. Sebagai mengenang jasanya yang tidak memihak kepada pasukan Sikh, Syarikat India Timur Inggeris kemudiannya telah membuat ikatan perjanjian berasingan antara pihak kerajaan British dengan Raja Ghulab Singh pada 16 Mac 1846, yang dikenali sebagai Perjanjian Amritsar (rujuk Lampiran 2). Menurut perjanjian tersebut, pihak British telah menyerahkan dan mengiktiraf Raja Ghulab Singh dan warisnya sebagai pemilik semua negeri yang berbukit dan bergunung ganang serta sekitarnya yang terletak ke arah timur Sungai Indus dan ke barat Sungai Ravi

⁴³ Sebagai menghargai jasa mereka, Maharaja Ranjit Singh juga turut memberi anugerah 'raja' kepada Dhian Singh dan Suchet Singh. Selain itu, Maharaja turut memberi wilayah Samba dan Ramnagar kepada Suchet serta wilayah Bhimper dan Kassouli kepada Dhian Singh. Robert A. Huttenback, *Kashmir as an Imperial Factor During the Reign of Gulab Singh (1846 – 1857)*, *Journal of Asian History*, Vol. 2, No. 1, 1968, hlm. 77 – 108.

⁴⁴ Kejayaan Gulab Singh ini banyak dibantu oleh kehebatan General tenteranya iaitu Zorawar Singh. Beliau juga turut memainkan peranan besar mengepalai pasukan Sikh menawan Tibet, Jammu-Kishtwar, Bat Khol Pass dan juga Suru Valley. Rujuk Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 12.

⁴⁵ The First Anglo-Sikh War (1845-46) (atas talian) <http://www.itihaas.com/modern/british18.html>. (28 Oktober 2002).

termasuk Kashmir, Ladakh, Gilgit dan Chamba.⁴⁶ Perjanjian tersebut secara rasminya telah mewujudkan negeri Jammu dan Kashmir pada hari ini dan secara kebetulannya pula, pemerintah Hindu Dogra telahpun wujud di wilayah tersebut pada ketika perjanjian tersebut ditandatangani. Sebagai balasannya, Ghulab Singh diminta membayar sebanyak 75 lakhs Rupees (US\$ 166) kepada Kerajaan British di atas penyerahan kawasan tersebut.⁴⁷ Di bawah Artikel 10 perjanjian tersebut juga, Ghulab Singh mengiktiraf kedaulatan Kerajaan British di Kashmir.

*'Maharajah Gulab Singh acknowledges the supremacy of the British Government and will in token of such supremacy present annually to the British Government one horse, twelve shawl goats of approved breed (six male and six female) and three pairs of Cashmere shawls.'*⁴⁸

Peperangan antara Sikh dan British merupakan penanda berakhirnya kedaulatan Sikh di Lahore dan melalui ikatan perjanjian Lahore dan Amritsar, British telah berjaya menguasai keseluruhan benua kecil India. Kerajaan British juga kemudiannya telah melantik seorang Residen di Kashmir sebagai wakil British dan berkhidmat sebagai pegawai perhubungan di dalam hal-hal politik negeri tersebut.⁴⁹

Maharaja Ghulab Singh telah meninggal dunia pada tahun 1857 dan telah digantikan oleh Maharaja Ranbir Singh. Setelah Ranbir Singh meninggal dunia pada tahun 1885, Maharaja Pratap Singh pula menaiki takhta sehingga tahun 1925. Pada masa pemerintahan Pratap Singh menaiki takhta, negeri Kashmir mengalami keadaan sosio-ekonomi yang amat teruk. Dalam usaha membaiki

⁴⁶ Bal Raj Madhok, *Hundred Years of Dogra Rule*, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter3.html>, (23 Oktober 2002) dan Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 22.

⁴⁷ Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 12.

⁴⁸ *Treaty of Amritsar*, 1990, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/LegalDocs/TreatyofAmritsar.html>. (25 Oktober 2002)

⁴⁹ Alastair Lamb, *Crisis in Kashmir : 1947 to 1966*, Routledge & Kegan Paul, London, 1966, Hlm. 25.

keadaan tersebut, Maharaja sendiri telah mengadakan beberapa siri lawatan untuk meninjau keadaan rakyatnya dan mengarahkan tindakan segera dilakukan bagi mengatasi kesengsaraan penduduk kawasan tersebut. Pihak British juga turut menggesa pemerintah melakukan pembaharuan agar taraf kehidupan rakyat dapat ditingkatkan. Meskipun didesak agar mengadakan pembaharuan segera, realitinya pada zaman pemerintahan Hindu Dogra keadaan rakyat di Kashmir sebahagian besarnya berada dalam keadaan yang amat miskin dan mundur.⁵⁰ Ini diakui sendiri oleh penulis Hindu yang terkenal iaitu Prem Nath Bazaz dalam bukunya *Kashmir in Crucible* menyatakan bahawa;

*'This rule by the powerful minority community of the Punjab did not make the average Kashmiri more happy, and a British observer of the day has given his account of their pitiful conditions then : the Sikhs seem to look upon Kashmiris as little better than cattle.....The number of Kashmiris who were to accompany us over the mountains proved here to be no exaggeration and their appearance half-naked and miserably emaciated a ghastly picture of poverty and starvation.'*⁵¹

Selain itu, pemerintah dari kalangan Maharaja Hindu-Dogra juga telah gagal menyatukan penduduk di Kashmir. Kegagalan ini telah menyebabkan wujudnya sikap tidak puas hati rakyat Kashmir khususnya yang beragama Islam terhadap golongan pemerintah yang lemah.⁵² Sikap tidak puas hati ini akhirnya

⁵⁰ Rakyat juga telah ditindas oleh pemerintah apabila diperkenalkan cukai seperti cukai untuk lembu dan kerbau, cukai perahu, cukai perkahwinan dan banyak lagi. Rakyat semakin marah apabila kesemua cukai yang diperkenalkan hanya dikenakan kepada orang-orang Islam. Rujuk Raja Ishtiaq Ahmed Janjua, A Human Rights Issue Efforts dalam Muhammad Aamir Bashir & Khurram S. Haider (ed.) *Settling The Kashmir Issue*, Hlm. 59 dan Victoria Schofield, *Kashmir in Conflict : India, Pakistan and the Unending War*, Hlm. 41.

⁵¹ Lars Blinkenberg, *Indian-Pakistan, The History of Unsolved Conflicts*, Dansk Udenrigspolitisk Institut, Copenhagen, 1972, Hlm. 60.

⁵² Pada Julai 1924, telah berlaku tunjuk perasaan secara besar-besaran di Kashmir membantah kekejaman pemerintah Hindu-Dogra. Bagi mengatasi masalah ini, Hari Singh telah mengarahkan pasukan tenteranya membunuh ramai rakyat tempatan yang terlibat dengan gerakan tersebut. Selain itu, pada 13 Julai 1931, berlaku rusuhan akibat rasa tidak puas rakyat terhadap pihak polis yang bertindak menahan ramai orang-orang Islam yang dipercayai dalang kepada kejadian rusuhan. Bagi meredakan keadaan, pihak polis telah melepaskan tembakan secara rambang dan telah menyebabkan kematian seramai 22 orang. Rujuk Raja Ishtiaq Ahmed Janjua, A Human Rights Issue Efforts, Hlm. 59.

membawa kepada satu bentuk perasaan perjuangan kebangsaan untuk membebaskan diri daripada pemerintah yang lemah. Dalam hal ini, Maharaja langsung tidak dianggap sebagai simbol kenegaraan di kalangan rakyat Kashmir.

Setelah Maharaja Ranbir Singh meninggal dunia pada tahun 1925, wilayah Kashmir ditadbir oleh anak saudaranya iaitu Maharaja Hari Singh sehingga tahun 1948. Dalam masa pemerintahannya, keadaan rakyat Kashmir menjadi semakin buruk. Tambahan pula, hampir kesemua pembantu-pembantu Maharaja terdiri daripada golongan yang bukan rakyat Kashmir. Oleh itu, suasana dan keadaan sebenar rakyat yang menderita tidak difahami oleh Maharaja Hari Singh. Pada tahun 1929, seorang daripada menteri telah meletak jawatan atas alasan kegagalan Maharaja menangani masalah politik, ekonomi dan sosial dengan berkesan. Menteri tersebut dengan lantang telah menyatakan bahawa;

*'Jammu & Kashmir state is labouring under many disadvantages with a large Mohammedan population absolutely illiterate, labouring under poverty and very low economic conditions of living in the villages and practically governed like dumb driven cattle. There is no touch between the government and the people, no suitable opportunity for representing grievances.'*⁵³

Meskipun berada dalam keadaan yang daif di bawah kekuasaan pemerintahan Hindu Dogra, rakyat Kashmir sebenarnya turut menikmati sedikit pembaharuan hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan pihak British. Antara pembaharuan yang dilakukan ialah kemajuan sistem perdagangan, perkhidmatan awam diperkenalkan, sistem perundangan jenayah, pembinaan jalan raya, kereta api serta perhubungan telefon dan telegraf.⁵⁴ Selain itu, struktur pentadbiran adalah sama dengan negeri-negeri lain yang turut berada di bawah naungan British.

⁵³ Lars Blinkenberg, *Indian-Pakistan, The History of Unsolved Conflicts*, Dansk Udenrigspolitisk Institut, Copenhagen, 1972,. Hlm. 64.

⁵⁴ Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 17.

Pada masa ini, wilayah Jammu dan Kashmir merupakan salah satu daripada lebih 584 negeri beraja di India dan keadaan ini mula berubah dan berakhir pada tahun 1947 apabila kerajaan British mengambil keputusan untuk memberi kemerdekaan dan seterusnya memisahkan benua kecil India kepada dua kawasan berdasarkan agama iaitu India untuk bangsa Hindu dan Pakistan untuk masyarakat Islam. Keputusan pemisahan ini telah membawa lembaran baru kepada semua wilayah yang dikuasai oleh raja-raja di India termasuklah Kashmir, di mana pemisahan yang berlaku pada tahun 1947 sehingga sekarang masih lagi belum dapat diselesaikan dengan sempurna.

1.4 Suasana Politik di Kashmir Sebelum Pembahagian

Pada tahun 1947, British telah mengambil keputusan untuk menamatkan pemerintahannya di India. Ini bermakna, benua India akan mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Namun, kemerdekaan yang dijanjikan ini adalah serentak dengan keputusan untuk memisahkan benua kecil India kepada dua bahagian iaitu Pakistan untuk orang-orang Islam dan India untuk orang-orang Hindu. Untuk itu, kesemua negeri beraja sebanyak 584 buah di India telah diberi kebebasan sepenuhnya untuk memilih untuk kekal dengan India atau bergabung dengan Pakistan.

Ketika British masih menguasai India, negeri-negeri tersebut mempunyai autonomi di dalam hal ehwal negeri masing-masing, tetapi kerajaan British sebagai kuasa tertinggi adalah bertanggungjawab kepada urusan pertahanan dan hal ehwal luar negeri dan berhak campur tangan sekiranya berlaku penyelewengan oleh pemerintah. Menjelang kemerdekaan India dan Pakistan, setiap negeri tersebut diberi peluang untuk memilih masa depan mereka sama ada hendak bersatu dengan India yang majoritinya penduduk beragama Hindu atau menyertai Pakistan yang majoritinya beragama Islam.

Dalam hal ini, Kashmir yang merupakan sebuah negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam sebenarnya lebih berminat untuk menyertai Pakistan tetapi maharaja yang memerintah pada ketika itu beragama Hindu dan ini telah menimbulkan masalah dalam membuat pilihan negara mana yang patut disertai. Pada peringkat awalnya, tiada tanda-tanda yang menunjukkan Maharaja Hari Singh atau pemimpin-pemimpin rakyat yang beragama Islam membuat keputusan untuk menyertai mana-mana pihak sama ada India atau Pakistan. Bagi Maharaja Hari Singh, jika beliau membuat keputusan untuk menyertai Pakistan, sudah semestinya beliau akan kehilangan takhtanya.⁵⁵ Tetapi sekiranya beliau mengambil keputusan menyertai India pula, sudah semestinya akan tercetus penentangan oleh rakyat jelatanya yang enggan berada di bawah kekuasaan India.⁵⁶

Ketika pemerintahan Maharaja Hari Singh juga, gerakan pembebasan India dari penjajah British di bawah teraju pimpinan Mahatma Gandhi semakin kukuh. Perjuangan menuntut kemerdekaan mula merebak di dalam beberapa negeri beraja termasuk juga Kashmir. Pada September 1929, sentimen anti Dogra telah wujud di Kashmir. Sentimen ini dipimpin oleh Sheikh Mohamad Abdullah⁵⁷ dan beberapa pemimpin lain seperti Mirwaiz Maulvi Yusuf Shah, Maulvi Abdul Rahim dan Abdul Qadir Khan yang merupakan ulamak Islam yang terkenal di Lembah Kashmir. Rakyat Kashmir khususnya yang beragama Islam semakin

⁵⁵ Sisir Gupta, *Kashmir : A Study in Indian-Pakistan Relation*, Asia Publishing House, Bombay, 1966, Hlm. 93.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Beliau dilahirkan pada 5 Disember 1905 di kampung Soura, Srinagar. Bapanya, Sheikh Mohammed Ibrahim adalah merupakan seorang saudagar Kashmir yang terkenal. Sheikh Abdullah telah menerima pendidikan awal di bandar Srinagar, Lahore. Pada tahun 1930, beliau telah mendapat sarjana dalam bidang kimia dari Aligarh University. Sebelum mengetuai kebangkitan rakyat di Kashmir, beliau pernah berkhidmat sebagai guru kanan di Jabatan Pendidikan Kashmir. Penglibatannya dalam politik, telah mengangkat kedudukannya sebagai Hero rakyat Kashmir. Justeru itu beliau telah diberi gelaran 'Sheri-Kashmir'. Rujuk Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 18-19 dan Bal Raj Madhok, *Quit Kashmir Movement*, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter4.html>, (23 Oktober 2002).

berani menentang pemerintahan Hindu-Dogra apabila Sheikh Abdullah telah menubuhkan parti Persidangan Muslim Jammu dan Kashmir pada Oktober 1932. Pertubuhan ini dengan pantas mendapat tempat di kalangan rakyat Kashmir dan Syekh Abdullah pada waktu itu telah dianggap sebagai *wira* kepada kebangkitan menentang pemerintahan Hindu-Dogra.

Namun, perjuangan Syekh Abdullah sedikit tergugat apabila Mirwaiz Maulvi Yusuf Shah telah menarik diri dari perjuangannya apabila menerima tawaran gaji bulanan daripada Maharaja Hari Singh.⁵⁸ Tindakan ini juga sedikit sebanyak mendorong Sheikh Abdullah meninggalkan perjuangan Islam dan beralih kepada perjuangan sekular. Pada tahun 1939, beliau telah bertindak membubarkan parti Persidangan Muslim dan seterusnya menubuhkan parti Persidangan Nasional yang bersikap sekular dan dianggotai oleh orang-orang Hindu, Islam dan Sikh.⁵⁹ Perjuangan parti Persidangan Nasional lebih mirip kepada perjuangan Kongres Nasional India dan asas pembentukkannya telah mengeratkan persahabatan antara Sheikh Abdullah, Jawaharlal Nehru dan juga Mahatma Gandhi. Melihat kepada jalinan persahabatan yang erat di kalangan tiga pemimpin ini, Mohamad Ali Jinnah, individu yang berusaha keras kewujudan Pakistan telah mengadakan lawatan ke Srinagar dan cuba memujuk Sheikh Abdullah supaya menyertai Pakistan namun usaha ini telah ditolak oleh pemimpin Persidangan Nasional tersebut.⁶⁰

⁵⁸ Kashmir (atas talian) http://www.didyounknow.cd/indonesia/kisah/story_id.html. (23 Oktober 2002)

⁵⁹ Beliau bertindak membubarkan Parti Persidangan Muslim adalah kerana parti ini asasnya adalah khas untuk orang-orang Islam sahaja. Justeru itu, beliau tidak mendapat sokongan dari rakyat Kashmir yang bukan beragama Islam. Oleh kerana terdesak untuk mendapatkan kuasa, beliau terpaksa membubarkan parti tersebut dan sebagai gantinya, beliau menubuhkan Parti Persidangan Nasional untuk menarik sokongan keseluruhan penduduk Kashmir. Rujuk Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 22.

⁶⁰ Bal Raj Madhok, *Hundred Years of Dogra Rule*, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter3.html>, (23 Oktober 2002)

Rancangan Lord Mountbatten, Gabenor Jeneral India, di atas cara dan kaedah pemisahan India dan Pakistan telah meletakkan kedudukan pemimpin negeri Jammu dan Kashmir dalam keadaan yang cukup sukar untuk membuat keputusan. Meskipun secara teorinya, kerajaan British akan memberikan status kemerdekaan kepada negeri-negeri beraja selepas pengundurannya, namun kerajaan British telah menasihatkan kesemua negeri-negeri tersebut supaya menimbangkan kepentingan rakyat negeri masing-masing dan juga kepentingan dua negara baru tersebut sebelum membuat keputusan. Selain itu, British juga menuntut agar sebarang keputusan yang bakal dibuat perlu menimbangkan faktor populasi etnik serta kedudukan geografi negeri masing-masing dengan negara yang akan dibentuk.⁶¹ Untuk mengelakkan sebarang masalah di saat-saat akhir penyerahan kuasa, British telah menetapkan bahawa keputusan untuk menyertai satu daripada dua negara tersebut perlu dibuat sebelum 15 Ogos 1947.⁶²

Dalam hal ini, Muhammad Ali Jinnah yang menjadi pemimpin utama Liga Islam telah mendesak Maharaja agar menghormati kemahuan majoriti penduduk Kashmir yang beragama Islam mahukan penyatuan dengan negara Pakistan.⁶³ Manakala, Nehru dan Gandhi pula yang mempunyai jalinan persahabatan yang rapat dengan pemimpin Parti Persidangan Nasional pula mahukan wilayah Kashmir menyertai negara India dan menjanjikan peralihan kuasa yang jelas daripada Maharaja Hari Singh kepada Sheikh Abdullah sebagai balasan persetujuan menyertai negara India. Desakan demi desakan oleh pemimpin kedua-dua buah negara tersebut telah menyebabkan Maharaja Hari Singh berada dalam keadaan serba salah dalam usaha membuat keputusan. Tambahan pula, hubungan beliau dengan Sheikh Abdullah berada dalam keadaan cukup genting akibat keinginan Sheikh Abdullah melihatnya turun dari takhta dan seterusnya berkuasa

⁶¹ Gharib Hanif, Historical Background (atas talian) <http://www.ummah.org.uk/kashmir/history.htm>. (23 Oktober 2002)

⁶² Bal Raj Madhok, Hari Singh's Dilemma, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter5.html>, (23 Oktober 2002)

⁶³ Ibid.

di Kashmir sebelum membuat keputusan untuk bergabung dengan India.⁶⁴ Pilihan lain yang tinggal kepada Maharaja ialah mengekalkan kemerdekaan Kashmir. Perdana Menteri Kashmir, Pandit Ram Chander Kak adalah merupakan individu yang kuat menyokong idea supaya Kashmir kekal merdeka.⁶⁵

Pada ketika British bersiap sedia untuk meninggalkan India, Maharaja Hari Singh telah mengambil tindakan cuba mempengaruhi rakyatnya supaya menyokong cadangan beliau untuk bergabung dengan negara India. Bagi merealisasikan cadangan tersebut, Maharaja telah mengarahkan tenteranya supaya menangkap dan membunuh sesiapa sahaja yang menentang ketetapan yang telah diputuskan oleh Maharaja. Tindakan ini telah menyebabkan berlakunya huru hara di wilayah Kashmir. Pada Ogos 1947, tentera Maharaja Hari Singh telah bertindak ganas membunuh penduduk Islam di wilayah Jammu.⁶⁶ Di wilayah tersebut, beratus-ratus ribu penduduk Islam telah hilang dan tidak dapat dikesan, dipercayai telah dibunuh oleh tentera Maharaja yang mengganas.

Penduduk Kashmir yang beragama Islam membalas tindakan tentera Maharaja dengan melancarkan perang balas. Mereka menghantar ahli keluarga ke Pakistan sebagai langkah keselamatan dan kembali ke Kashmir untuk berjuang di medan perang.⁶⁷ Berdasarkan pengalaman sebagai veteran perang Dunia Kedua yang lalu dan berjaya mengumpulkan senjata daripada kawan-kawan yang masih memilikinya, tentera Islam berjaya mengalahkan pasukan Maharaja dan seterusnya menguasai kawasan Poonch.⁶⁸ Maharaja sendiri terpaksa melarikan diri daripada Srinagar dan mencari perlindungan di bandar Jammu di mana pasukannya telah berjaya menghalau dan membunuh ramai umat Islam. Selepas dapat membebaskan diri dari penindasan pemerintahan Maharaja, penduduk Islam

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Bal Raj Madhok, Hari Singh's Dilemma, (atas talian) <http://www.kashmir-information.com/Storm/chapter5.html>, (23 Oktober 2002)

⁶⁷ Ibid.

⁶⁸ Victoria Schofield, *Kashmir in Conflict : India, Pakistan and the Unending War*, I. B. Taurist, London, 2003, Hlm. 41.

Kashmir telah menubuhkan kerajaan daerah yang dinamakan Azad (free) Kashmir di bawah pimpinan Sardar Mohamad Ibrahim Khan yang merupakan pemimpin Parti Persidangan Muslim. Di Gilgit juga kebebasan telah berjaya dicapai apabila tentera Maharaja telah dikalahkan oleh tentera Kashmir.

Ketika dalam pelarian di Jammu, Maharaja Hari Singh telah mengambil keputusan untuk membawa Kashmir menyertai negara India. Rancangan dan persiapan untuk menyertai negara India ini sebenarnya telah dibuat ketika tenteranya menjalankan gerakan membinasakan umat Islam sebelum ini. Rancangan sulit ini telah mendapatkan bantuan dan galakan sepenuhnya dari New Delhi. Dalam hal ini, sebenarnya Maharaja mengetahui bahawa sebahagian besar daripada rakyatnya tidak bersetuju untuk bergabung dengan negara India. Parti politik Islam yang utama di Kashmir iaitu Persidangan Muslim telah mengisytiharkan pendiriannya untuk bersatu dengan Pakistan seperti mana yang diluluskan sebulat suara dalam Majlis Mesyuarat Parti pada Julai 1947. Parti lain seperti Persidangan Nasional yang dipimpin oleh Sheikh Abdullah juga sebenarnya mempunyai sebahagian ahli yang dilaporkan lebih berminat untuk bersatu dengan Pakistan meskipun pemimpinnya lebih berminat kepada tawaran kuasa dari kerajaan India. Selain itu, Persatuan Kisan-Mazdoor dan Parti Sosialis Kashmir juga tidak menyokong kemasukan ke dalam India. Akibat daripada pergolakan politik dalaman ini, pada tahun 1946, Maharaja telah bertindak menangkap ramai pemimpin-pemimpin utama di Kashmir. Antaranya ialah Syeikh Abdullah yang dikenakan hukuman penjara selama sembilan tahun atas tuduhan menghasut rakyat tempatan.⁶⁹

Memandangkan keadaan politik dalaman Kashmir yang lebih memihak kepada Pakistan, New Delhi melalui Parti Kongres India telah memberi jaminan keselamatan kepada Maharaja agar segera membuat keputusan untuk menyertai

⁶⁹ Kalim Siddiqui, *Conflint, Crisis & War in Pakistan*, The Macmillan Press Ltd, London, 1972, Hlm. 113.

India. Pemimpin utama India seperti Mahatma Gandhi telah membuat lawatan ke Kashmir pada 1 Ogos 1947, meskipun sebelum ini India tidak berminat langsung dalam hal ehwal Kashmir.⁷⁰ Setelah Gandhi mengadakan lawatan ke Kashmir, beberapa perkembangan politik telah berlaku di Kashmir yang menampakkan pengaruhnya dalam usaha mendorong kemasukan negeri tersebut ke dalam India. Umpamanya, pada 8 Ogos 1947, Perdana Menteri Kashmir, Ram Chandra Kak yang pro kepada Pakistan dan telah mengadakan perjanjian lisan dengan Jinnah untuk membawa Kashmir ke pangkuan Pakistan telah dipecat dari jawatannya.⁷¹ Beliau digantikan oleh Janak Singh, seorang bekas militer Hindu Dogra dan kemudiannya diganti pula oleh Mehr Chand. Kedua-duanya adalah merupakan individu yang kuat menyokong kemasukan Kashmir ke dalam negara India. Pada ketika mereka memegang kuasa sebagai Perdana Menteri, gerakan membunuh umat Islam di wilayah Jammu dan Poonch menjadi semakin berleluasa.

Bagi merealisasikan usaha membawa Kashmir ke dalam kuasa India, Gandhi dan Maharaja Hari Singh telah bersetuju untuk membina jalan raya antara Jammu dan India. Cadangan ini lahir kerana pada masa tersebut, hanya terdapat dua batang jalan yang menghubungkan Kashmir dengan dunia luar tetapi ianya terpaksa melalui Pakistan. Oleh itu, jalan baru tersebut dilihat cukup penting sebagai jalan pengangkutan yang tidak melibatkan Pakistan. Persetujuan ini juga telah menunjukkan Maharaja secara tidak langsung bersetuju untuk membawa negerinya ke dalam India. Untuk mengelakkan rakyatnya marah dan bertindak membantah usaha kerjasama dengan India untuk membina jalan raya baru tersebut, Maharaja turut mengadakan rundingan dengan Pakistan pada 12 Ogos

⁷⁰ Lawatan 4 hari ini digunakan sepenuhnya oleh Gandhi untuk bertemu dan berbincang mengenai perjuangan rakyat Kashmir dengan Begum Akbar Jehan iaitu isteri kepada Syeikh Abdullah. Selain itu, beliau turut melawat tempat-tempat orang ramai seperti bandar Shitalnath. Beliau turut bertemu dengan Maharaja Hari Singh dan isterinya di istana Kashmir. Rujuk Dina Nath Raina, *Unhappy Kashmir : The Hidden Story*, Reliance Publishing House, New Delhi, 1990, Hlm. 36-37.

⁷¹ Ibid. Hlm. 37.